

# Sebarkan mesej anti rasuah

► SPR UMS adakan Program Piala Anti Korupsi



Oleh ABD NADDIN  
HAJI SHAIDDIN

UB 6.//. 2018 B2  
**KOTA KINABALU:**  
Program Piala Anti Korupsi  
merupakan anjuran  
Secretariat Pencegahan  
Rasuah Universiti Malaysia  
Sabah (SPR UMS) yang  
pertama kalinya diadakan  
pada 27 dan 28 Oktober  
lepas.

Sebanyak 16 kumpulan  
dan 128 peserta menyertai  
program yang diadakan  
bermula jam 8.00 pagi hingga  
5.00 petang.

Program Piala Anti Korupsi  
tajaan SPRM itu melibatkan



SESI bergambar bersama tetamu kehormat AJK SPR UMS dan peserta.

aktiviti pertandingan futsal di kalangan mahasiswa UMS yang bertempat di arena Kompleks Sukan Universiti Malaysia Sabah.

Objektif utama program ini dijalankan adalah untuk mempromosikan kepada mahasiswa tentang amalan gaya hidup sihat dan aktif melalui bersukan di samping menyebarkan mesej anti rasuah melalui aktiviti kesukaran.

Selain itu, objektif program ini juga menjadi medan kepada mahasiswa yang

bertanding menampilkan bakat baharu dalam sukan di samping mengiktirafkan kerja berpasukan.

Malahan program ini, diharapkan mewujudkan kebersamaan di antara mahasiswa yang berbeza bagi merapatkan hubungan yang memberikan impak positif kepada pihak terlibat.

Program ini juga dijalankan dengan bantuan sebanyak 44 orang AJK yang telah dibahagikan mengikut unit masing-masing. Dalam program ini, ia telah berjalan

dengan lancar atas kerjasama setiap AJK terlibat.

Ketua Unit Pendidikan Masyarakat SPRM Sabah Aini Awang Muda berkata Program Piala Anti Korupsi ini hebat dan kreatif kerana ia bukan sahaja bermatlamatkan kehidupan sihat buat mahasiswa malahan ia juga didedahkan dengan pengetahuan mengenai gejala rasuah melalui pembahagian risalah kepada peserta.

Selain itu, Aini juga mencadangkan agar program ini diadakan lagi pada masa



AINI dan Ahirunnisham bergambar bersama pemenang.

akan datang tetapi dengan jumlah peserta yang lebih ramaiberbandingsebelumnya dengan penyertaan yang melibatkan mahasiswa dan juga mahasiswa.

Penyelaras SPR UMS Ahirunnisham Ahmad turut memberi respon yang positif terhadap program ini.

Katanya, program ini memberi impak yang berkesan untuk mahasiswa dalam menerapkan gaya hidup sihat sekaligus pendedahan tentang bahaya rasuah.

mereka dapat menyedari mengenai kepentingan mengamalkan gaya hidup sihat dan bahaya rasuah selaras dengan tema program ini iaitu '*Healthy Lifestyle Without Corruption*'.

Program Piala Anti Korupsi ini hebat dan kreatif kerana ia bukan sahaja bermatlamatkan kehidupan sihat buat mahasiswa malahan ia juga didekah dengan pengetahuan mengenai gejala rasuah melalui pembahagian risalah kepada peserta. ■

**AINI AWANG MUDA**

Ketua Unit Pendidikan Masyarakat SPRM Sabah